



LIZA MOKHTAR

SHAH ALAM

Hujan lebat bangkit memori banjir besar 1971

Sebahagian besar negeri di semenanjung Malaysia pada ketika ini masih berdepan situasi hujan lebat berterusan sejak Jumaat sekali gus menimbulkan kebimbangan berlakunya banjir besar yang boleh melumpuhkan seluruh negara dan merisikakan nyawa orang ramai.

Menyebut perihal banjir, 50 tahun dahulu Malaysia pernah digemparkan dengan satu tragedi banjir besar yang dianggap terburuk dalam lipatan sejarah negara.

Segalanya bermula dengan hujan monsun lebat berterusan pada 26 Disember 1970 yang berlarutan selama hampir seminggu. Ia kemudian menyebabkan paras air di Sungai Pahang meningkat dan melimpah sehingga tercetusnya banjir besar pada awal Januari 1971.

Dilaporkan dalam tempoh kurang 24 jam, situasi banjir semakin memburuk di negeri Pahang sehingga anaran dikeluarkan kepada penduduk kampung supaya berada di tempat tinggi agar tidak hanyut bersama air banjir.

Tidak lama kemudian, beberapa negeri lain termasuk Terengganu, Johor, Kelantan, Melaka dan Selangor turut dilanda banjir teruk.

Banjir besar tersebut juga menyebab-

kan berlakunya tanah runtuh sehingga memutuskan hubungan jalan raya dan kereta api ke bandar-bandar utama di pantai timur dan ke Singapura.

Apa yang lebih mengejutkan, kawasan bandar Kuala Lumpur juga tidak terkecuali daripada ditimpa musibah, buktinya 60 peratus kawasan di ibu negara ditenggelami air banjir dan seolah-olah berada di tengah lautan.


Banjir dari Sungai Klang menenggelamkan kawasan dari Abdullah Hukum hingga ke Dataran Merdeka.

Banjir dahsyat itu telah mengakibatkan negara menanggung kerugian besar harta benda bernilai lebih RM84.7 juta (nilai ketika itu).

Namun apa yang lebih menyedihkan, laporan media turut menyebut lebih 20 nyawa menjadi korban bencana banjir tersebut sementara puluhan ribu mangsa yang lain terjejas.

Difahamkan, jumlah mangsa banjir paling tinggi ialah di negeri Pahang iaitu seramai 40,000 orang manakala negeri Johor 17,000 dan Selangor 14,000 orang.

Berikutan situasi banjir yang menyaksikan kenaikan paras air terus meruncing di hampir seluruh negara, Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein terpaksa mengisytiharkan darurat bencana di seluruh negara berkuat kuasa pada 5 Januari



Paras air Sungai Klang berada di paras yang tinggi berikutan hujan lebat yang melanda ibu negara ketika tinjauan di River of Life pada Sabtu.

1971.

Pengisytiharan bencana darurat itu dilaksanakan bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda daripada banjir yang telah menenggelamkan hampir semua negeri di Malaysia.

Abdul Razak turut mengumumkan pelantikan dua jawatankuasa kabinet iaitu Jawatankuasa Bantuan dan Pemulihan Banjir untuk menolong mangsa banjir yang telah dipengerusikan oleh beliau sendiri.

Sebuah Jawatankuasa lagi ditubuhkan bagi menganalisis kerosakan dan menyarankan langkah-langkah pemuliharaan ekonomi dan sosial.

Pada waktu itu juga dikatakan, Abdul Razak telah menjangkakan bahawa banjir besar akan berlaku sepertimana yang pernah terjadi pada tahun 1931 di China yang mengorbankan ratusan nyawa.

Dalam pada itu, bagi meringankan beban ditanggung oleh mangsa banjir, kerajaan juga bertindak pantas mengulur bantuan asas seperti makanan, ubat-ubatan, selimut dan khemah.

Sementara itu, pasukan tentera ber-

hempas pulas berusaha membawa bantuan keperluan ke kawasan terlibat serta kerjasama antara polis hutan dan tentera dalam membuat rondaan dengan menaiki bot.

Malah demi menjaga hubungan baik dengan Malaysia, kerajaan British dan Australia telah menyumbangkan bahan-bahan jambatan seperti besi keluli untuk membina sebuah jambatan di Temerloh, Pahang.

Jambatan itu dibina bagi memudahkan penduduk melintas sama ada menaiki kereta atau berjalan namun ia hanya mampu bertahan selama lima hari sahaja.

Untuk rekod, banjir buruk tahun 1971 itu akhirnya surut dalam tempoh seminggu dan ramai yang tinggal sehelai sepinggang selepas itu.

Walaupun negara sebelum ini pernah dilanda banjir besar sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1926 (Bah Besar) dan seterusnya pada tahun 1946 namun banjir 1971 di Kuala Lumpur itu akan terus diingat ramai sebagai banjir besar paling dahsyat dalam sejarah negara.




Banjir besar yang melanda Kuala Lumpur pada tahun 1971 disebabkan hujan monsun berterusan yang tidak berhenti selama hampir seminggu.



Dilaporkan 60 peratus kawasan ibu kota ditenggelami air ketika banjir besar pada tahun 1971.



Banjir besar tahun 1971 yang menenggelamkan 60 peratus Kuala Lumpur dikenang sebagai banjir terburuk dalam sejarah negara.



Berita Harian
19/12/2021 (Ahad)
Pg: 1, 16, 17

Limpahan dari Sungai Damansara mengakibatkan Jalan di Batu 3, Lebuhraya Persekutuan ditenggelami air dan tidak boleh dilalui kenderaan, semalam. PLUS turut menutup sepenuhnya Plaza Tol Shah Alam dan jalan susur. (Foto BERNAMA)

Hujan berterusan, 9 negeri dilanda banjir

Kuala Lumpur: Hujan lebat berterusan sejak kelmarin, menyebabkan sembilan negeri di Semenanjung, dilanda banjir hingga lebih 5,000 penduduk terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) sehingga petang semalam.

Susulan kejadian itu, banyak jalan sekitar bandar dan pekan

di negeri terjejas seperti Selangor, Kelantan, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka, terpaksa ditutup kepada kenderaan kerana ditenggelami air atau tanah runtuh serta kejadian pokok tumbang.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia) Muhammad Helmi Abdullah, ber-

kata sistem cuaca tekanan rendah yang masih berada di Selat Melaka, menyebabkan hujan lebat berterusan hampir di semua negeri di semenanjung.

Selain itu, katanya luruan monsun yang agak kuat juga adalah faktor hujan lebat berlaku.

Nasional 16/17



Anggota bomba membantu memindahkan mangsa banjir di Kampung Shukor, Dungun. (Foto Zatul Iffah Zolkiply/BH)



Penduduk, Amirul Arsyaf Arsyaf menggunakan khidmat bot penambang selepas beberapa daerah di Kuala Krai dinaiki air, semalam. (Foto BERNAMA)



Balai Polis Lubok Cina di pekan Lubok Cina, Masjid Tanah ditenggelami air selepas dilanda hujan lebat, semalam. (Foto Hassan Omar/BH)



Keadaan jalan di kawasan Paya Garuk, Jerentut yang ditutup akibat banjir, semalam. (Foto Roselan Ab Malek/BH)



Tebing laluan di Jalan Jimah-Bayu Sutera, Seremban runtuh selepas hujan lebat, semalam. (Foto Azrul Edham Mohd Aminuddin/BH)



Amaran cuaca buruk di Selangor, Kuala Lumpur

Hujan sangat lebat, dijangka berterusan di beberapa daerah

Oleh Latifah Arifin, Safeek Affendy Razali, Zatul Iffah Zolkiply, Faris Fuad, Norzamira Che Noh, Ruwaida Mid Zain, Noor Atiqah Salaiman Hidayatidayu Razali, Hassan Omar, Nazri Abu Bakar dan Roselan Ab Malek
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) mengeluarkan amaran hujan berterusan (bahaya) dengan hujan sangat lebat hari ini, bakal melanda beberapa daerah di Selangor dan Kuala Lumpur.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan jam 4 petang semalam, MET Malaysia berkata, di Selangor, daerah yang dijangka dilanda hujan lebat berterusan ialah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Klang, Gombak, Petaling, Kuala Langat dan Hulu Langat.

"Amaran hujan lebat berterusan (buruk) turut dijangka berlaku sehingga esok (hari ini) memba-



Antara mangsa banjir yang ditempatkan di Pusat Perpindahan Sementara, Kampung Shukor, Dungun. (Foto Ghazali Rori/BH)

bitkan beberapa negeri.

"Di Perak, Hillir Perak dan Muallim yang dijangka mengalami hujan lebat, di Kelantan (Gua Musang), Pahang (Cameron Highlands, Lipis, Jerantut, Bentong, Maran dan Kuantan), Selangor (Sepang) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya," katanya.

MET Malaysia berkata, hujan lebat berterusan (waspada) dijangka berlaku di Kedah, membabitkan daerah Kuala Muda, Sik, Baling, Kulim dan Bandar Baharu, Pulau Pinang, Perak (Kerian, Larut, Matang dan Selama, Hulu Perak, Kuala Kangsar, Manjung, Kinta, Perak Tengah, Kampar, Bagan Datuk dan Batang Padang).

Negeri lain termasuk Kelantan (Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Jeli, Tanah Me-

rah, Bachok, Machang, Pasir Puteh dan Kuala Krai, Terengganu (Pahang, Raub, Temerloh, Bera, Pekan dan Rompin), Negeri Sembilan (Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Rembau, Jempol dan Tampin), serta Melaka (Alor Gajah).

MET Malaysia turut mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora di beberapa negeri sehingga Selasa ini.

Angin kencang dan laut bergelora kategori pertama dengan ketinggian ombak 2.5 hingga 3.5 meter (m) berkelajuan 40.50 kilometer sejam (km/j) dijangka berlaku di timur Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak, Sabah Barat dan Labuan, Tenggara Samud, Timuran, Bunguran Reef South dan Labuan.

Lebih ramai mangsa dipindahkan ke PPS

Dari Muka 1

"Ketika ini negara mengalami Monsun Timur Laut, hujan lebat yang berterusan ini berlaku juga disebabkan lekukan tropika (tropical depression). Sehingga kini, beberapa kawasan berada di peringkat bahaya atau merah," katanya. Pengarah Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba) Selangor, Norazam Khamis, berkata setakat 5 petang semalam, 3,086 mangsa banjir ditempatkan di PPS sekitar Klang, Kuala Langat dan Sepang dengan Klang merekodkan mangsa paling ramai iaitu 2,604 orang membabitkan 17 PPS.

"Bagi Kuala Langat dan Sepang, 482 individu yang ditempatkan di sembilan PPS," katanya.

Beliau berkata, bagi daerah Klang, PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Johan Setia mencatatkan jumlah pemindahan paling tinggi dengan 793 mangsa, diikuti SK Telok Gong (681) dan Masjid Al-Islah (256) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pulau Indah dengan 190 Orang Asli Pulau Carey.

Katanya, bagi daerah Kuala Langat dan Sepang, SMK Telok Panglima Garang menempatkan paling ramai mangsa iaitu 143 orang diikuti SK Olak Lempit dengan 75 mangsa.

Banjir yang melanda juga menyebabkan puluhan pemandu terpaksa bermalam dalam kenderaan mereka malam kelmarin selepas laluan di Setia Alam, Bukit Raja dan Meru di Klang ditenggelami air.

Jalan utama di Setia Alam yang menghubungkan Meru dan Bandar Bukit Raja di Klang dinaiki air antara dua hingga tiga meter sejak lewat malam kelmarin, menyebabkan ramai pengguna jalan raya yang pulang kerja lewat malam terperangkap.

Mohd Faizol Adzhar Mohd Mhtar, 34, berkata beliau terpaksa tidur di dalam kereta yang diletakkan di kawasan parkir kira-kira dua kilometer dari kediamannya di Bandar Bukit Raja, sebelum berjal pulang.

Pekan Linggi di **Port Dickson**, Negeri Sembilan, lumpuh akibat ditenggelami banjir yang dianggap terbesar dalam tempoh 50 tahun hingga ada penduduk terkandas dalam rumah kedai menanti bantuan pasukan penyelamat.

Banjir yang melanda pekan itu juga menyebabkan ada bunyi teresat di atas Jambatan Sungai Linggi hingga tular menerusi media sosial petang semalam.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri Sembilan, Leftenan Kolonel (PA) Mohd Syukri Madnor, berkata lapangan PPS dibuka di empat daerah iaitu Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah dan Jelebu, yang menyebabkan 327 mangsa daripada 74 keluarga dipindahkan.

Di **Kota Bharu**, mangsa banjir di Kelantan meningkat kepada 2,046 orang setakat 5 petang semalam di

3,086 mangsa banjir ditempatkan di PPS sekitar Klang, Kuala Langat dan Sepang dengan Klang merekodkan mangsa paling ramai iaitu 2,604 orang membabitkan 17 PPS

Norazam Khamis, Pengarah Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba) Selangor



24 PPS dengan 472 keluarga berada di PPS lima daerah iaitu Gua Musang, Jeli, Tanah Merah, Pasir Mas dan Kuala Krai.

Mangsa banjir di Gua Musang mencatatkan peningkatan kepada 1,416 orang yang dipindahkan ke enam PPS.

Mangsa di Kuala Krai juga meningkat kepada 436 orang di 12 PPS, Jeli 91 orang di tiga PPS, Tanah Merah 67 orang di dua PPS dan Pasir Mas 36 di satu PPS.

Di **Terengganu**, seramai 223 mangsa berpindah ke tiga PPS petang semalam membabitkan di daerah Kemaman dan Dungun.

Beberapa tempat di Pahang seperti Kuantan dan Gambang juga dilanda banjir tetapi tiada PPS dibuka, manakala di Jerantut, seramai 128 orang daripada 22 keluarga ditempatkan pada tiga PPS daerah itu.

Seramai 238 mangsa dipindahkan ke lima PPS di daerah Alor Gajah, Melaka, susulan hujan lebat sejak petang kelmarin dan awal pagi semalam.

Banjir juga menacetkan beberapa kejadian mencemaskan penduduk apabila ada yang terperangkap dalam rumah hingga memerlukan bantuan penyelamat seperti di **Melaka**, apabila dua beranak yang bimbang meninggalkan rumah terpaksa mendapatkan bantuan bomba untuk keluar ke tempat selamat.

Dua pemuda nyaris lemas ketika hendak mengalihkannya kenderaan di ruang parkir bawah tanah sebuah hotel di Seksyen 13 Shah Alam sebelum berjaya diselamatkan bomba yang dimaklumkan oleh orang ramai ketika pasukan itu melewati kawasan kejadian.

Seorang guru Sekolah Menengah Bukit Changgang dekat Banting, Ruzita Che Him, 52, sambil ditemani suaminya, Baharuddin Mohd Yonan, 61, yang berpindah ke PPS, nekad kembali mengharungi banjir paras pinggang sejauh 600 meter selama sejam, demi menyelamatkan kertas jawapan peperiksaan akhir tahun pelajarannya selepas rumahnya dinaiki air.



Beberapa penduduk dipindahkan selepas rumah mereka dinaiki air di sekitar Pekan Linggi, semalam.



Jalan Selat Selatan, Taman Perindustrian Pandamaran, Pelabuhan Klang dilanda banjir akibat hujan lebat sejak semalam (kelmarin). (Foto Faiz Anuar/BH)



Keadaan banjir di sekitar Jalan Kebun, Klang (Foto Hazreen Mohamad/BH)



Sebuah kereta Perodua Bezza terbasah ke dalam longkang di Taman Kota Pendamar, Klang malam semalam.



Keadaan paras air Sungai Klang di River of Life meningkat selepas dilanda hujan lebat, semalam.



Buaya yang teresat di atas jambatan Sungai Linggi, semalam.

HEAVY RAIN SINCE FRIDAY

SEVERE FLOODING IN KLANG VALLEY

Continuous downpour caused by monsoon's cold surge and tropical depression

AUDREY DERMAWAN AND MUHAMMAD SAUFI HASSAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

HEAVY rain since Friday saw flash floods submerging highways, overflowing rivers and thousands of flood victims evacuated to relief centres in several states.

Pictures of inundated roads and residences have been uploaded on social media and Meteorological Department (MET Malaysia) director Muhammad Helmi Abdullah warned that heavy rains would continue in Kelantan, Pahang, Kedah, Penang, Perak, Terengganu, Selangor, Negri Sembilan, Melaka, Kuala Lumpur and Putrajaya.

He said the continuous rain was caused by the monsoon's cold surge and tropical depression.

The tropical depression was formed in the South China Sea and entered Pahang on Thursday night.

"Until Sunday (today), we expect Gua Musang in Kelantan and Cameron Highlands, Jerantut, Kuantan and Maran in Pahang to be the hardest hit by the heavy rain.

"However, as the northeast monsoon is expected to end today (yesterday), the weather is predicted to ease."

In the Klang Valley, several lanes along the Federal Highway

and the New Klang Valley Expressway (NKVE) have been flooded since early yesterday.

Twitter users said several routes on the Federal Highway had been flooded since 8am, resulting in severe traffic congestion from Kuala Lumpur to Shah Alam.

The Malaysian Highway Authority (LLM) said the Setia Alam northbound junction from Setia Alam to Shah Alam on the NKVE had been temporarily closed.

LLM said the closure was due to floodwaters on the route, which blocked all lanes of the intersection.

A similar situation also occurred at the Kemuning Toll Plaza at Km27.60-27.30 westbound, which saw only the right lane accessible to vehicles.

One of the flooded highway locations is the NKVE E1 between Km8.3 and Km8.8 northbound of the Setia Alam-Shah Alam stretch and this has resulted in the closure of the Shah Alam Junction.

An LLM spokesman said: "Also closed is the Bukit Raja and Shah Alam Toll Plazas.

"PLUS has opened an emergency lane at Km7 for motorists coming from Bukit Raja and Km8 if they are coming from Subang."

Also affected, he said, was the North-South Expressway Central Link (ELITE) (E6) at Km3 southbound, from Shah Alam to Seafield.

The spokesman said the main route linking ELITE to NKVE and the Guthrie Corridor Expressway (GCE) was also closed.

At the New North Klang Strait Bypass E30 Elevated Interchange, he said water rose between Km11 and Km12 of the Kapar to Bukit Raja route.

"All the lanes are flooded due to prolonged heavy rains and



The water level at the confluence of Sungai Klang and Sungai Gombak rose to dangerous levels following heavy rain in Kuala Lumpur yesterday. BERNAMA PIC

high tide."

A total of 1,011 residents in Klang and parts of Shah Alam were evacuated at 10.30am yesterday.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the state District Disaster Management Unit had opened 17 temporary evacuation centres to house flood evacuees.

He said Team Selangor volunteers and Selangor Volunteer members were on the ground to distribute emergency aid to victims and their families.

It was reported earlier that floodwaters began to rise in Shah Alam around 9pm on Friday night.

Several houses in Taman Sri Muda, Kota Kemuning and the stretch along the Shah Alam Expressway towards Klang were also flooded.

Bernama also reported that three temporary evacuation centres had been activated in Klang after several settlements, especially in Port Klang, were inundated.

Selangor Fire and Rescue Department director Norazam Khamis said up to 10pm on Friday, 113 flood victims had been taking shelter at three evacuation centres in SRA Kampung Delek, SRA Pulau Indah and SK Telok Gong, based on the information from district Disaster Management Committee.

"Areas in Klang submerged under 1m of water include Kampung Nelayan, Teluk Gong and Port Klang, and 106 victims were affected when water overflowed

from a sewer and drains."

In **George Town**, Deputy Environment and Water Minister Datuk Mansor Othman said all agencies under the ministry had been placed on high alert to face floods in several states following continuous downpour.

Mansor said MET Malaysia had issued flood warnings in several low-lying areas in the east coast, central and northern regions of Peninsular Malaysia.

"We have also directed the

agencies to furnish information on flooding to the National Disaster Management Agency so that immediate action can be taken by the authorities." **Additional reporting by Sharifah Mahsinah Abdullah, Farah Solhi, Kalbana Perimbanayagam and Hafidzul Hilmi Mohd Noor**

Page 1 pic: Rescue workers on a boat searching for flood victims at Pekan Linggi in Port Dickson yesterday.



Vehicles stranded in Jalan Meru, Shah Alam, yesterday. PIC BY DESMAN ADRIAN

Lam Thye: Credible early warning system needed

KUALA LUMPUR: The Alliance for Safe Community has proposed that the government establish a credible early warning system to prevent people from getting caught unprepared for floods.

Its chairman, Tan Sri Lee Lam Thye, said in the last three days, many people had been caught unprepared as incessant rainfall caused their houses to be flooded.

He said with the challenges posed by Covid-19 and the rising food prices, residents should not be caught flat-footed by predictable acts of nature.

"Incessant rainfall has caused flooding in places that were previously unaffected.

"Several areas in Kuala Lumpur, too, have been affected. Some cars have been washed away by fast-flowing water," he said yesterday.

He said residents were asking why they were not forewarned of the inclement weather by the Malaysian Meteorological Department.

"The department issued a statement this afternoon (yesterday), almost two days after the continuous rainfall.

"Why was the department late in sounding the alarm bells?"

"To prevent recurrence, we should have a credible early warning system to keep everybody informed in a regular and timely fashion."

The Star, 20 Dec 2021, Monday, p.12

Several landslide incidents reported amid floods

LOCAL authorities in the Klang Valley were kept busy dealing with reports of soil movement as well as fallen trees and electric poles over the weekend.

Four policemen, five Fire and Rescue Department personnel as well as several Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) personnel were deployed to Dataran Ukay in Hulu Kelang.

Ampang Jaya OCPD Asst Comm Mohamad Farouk Eshak said they received a distress call from a woman at 10.36pm on Saturday.

"We went to the location and discovered that dislodged soil had entered her house," added Mohamad Farouk.

The victims were evacuated to a hall in Kampung Kemensah, Ampang.

Meanwhile in Jalan Taman Zoo View, also in Hulu Kelang, a landslide caused an electric pole to collapse, blocking access into a nearby housing area.

Hulu Kelang assemblyman Saari Sungib said residents had to enter and exit their neighbourhood on foot.

MPAJ said in a statement that Tenaga Nasional Bhd had since removed the pole.

In Persiaran Desa Ampang 4,



An excavator deployed by MPAJ to clear soil from Persiaran Desa Ampang 4.

MPAJ deployed an excavator to clean up soil from the road and surrounding drainage.

The operation, led by its Management Services Department director Mohamad Yusuf Sulaiman, saw the slope being covered with canvas.

"We are in the midst of formulating a long-term plan to ensure a similar incident does not recur," said MPAJ in a Facebook post.

Kuala Lumpur City Hall (DBKL) in statement as of Sunday noon, said at least 10 sites had reported landslides.

These included Lorong Bukit Pantai, Bukit Ledang in Bukit Damansara, Jalan Durian 3 in Cheras, Jalan 2/98 in Taman Supreme, No 263 in Taman Damansara Indah, Bangsar Indah Condominium, Jalan Kelantan in Bukit Persekutuan and Jalan Pantai

Permai in Pantai Hillpark.

DBKL said 640 personnel from the Drainage and Irrigation, Civil Defence, Fire and Rescue and Welfare departments as well as the police were monitoring the situation and providing aid to flood victims.

"We have also activated an operations room to respond to the situation at Menara DBKL 1 in Jalan Raja Laut," said the statement.

Isu tak selesai tapi tambah masalah

**ISMAIL
OMAR**



BELUM lagi reda riuh rendah isu harga tanah untuk memajukan Kampung Baru, timbul pula isu nilai pampasan tanah yang rendah di Sungai Baru yang merupakan sebahagian tanah di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Kedua-dua isu ini dimainkan dan dicampur aduk dengan sentimen politik setempat. Justeru, ramai keliru dan ada pula yang mengelirukan orang lain.


Jadi, apakah isu sebenarnya yang berlaku di Sungai Baru? Adakah isunya mengenai penilaian pampasan adil? Atau proses pengusiran pemiliknya setelah tanah mereka diambil?

Atau perundangan pengambilan tanah yang sudah 60 tahun dikuatkuasakan tetapi masih menimbulkan banyak isu dalam pelaksanaannya? Atau pampasan tanah yang rendah kemudian diambil alih pemaaju dengan untung yang besar? Atau impak sosial yang boleh menambah bilangan gelandangan di bandar raya Kuala Lumpur?

Sebenarnya isu pengambilan tanah di Sungai Baru boleh dilihat dari dua sudut berlainan. Pertama, pampasan tanah yang dikatakan rendah sebanyak RM400 sekaki persegi. Kedua, prosedur pengusiran pemilik yang hanya diberikan tempoh 42 hari untuk keluar dari kediaman masing-masing.

Selain itu, akibat pengambilan berkenaan akan menimbulkan isu gelandangan apabila pemilik hanya diberikan pampasan kira-kira RM200,000 dan tidak mampu membeli rumah mampu milik dengan harga RM300,000 di Kuala Lumpur. Jadi, impak daripada pengambilan tanah perlu dilihat dengan cara lebih mendalam. Barangkali, kajian impak sosial (SIA) boleh dijalankan kerajaan akibat tindakan pengambilan berkenaan.

Kuasa pengambilan tanah terletak di bawah Fasal 13 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan setiap rakyat mempunyai hak untuk memiliki tanah. Hanya di



PEMANDANGAN sekitar Kampung Baru yang terletak di tengah-tengah ibu kota Kuala Lumpur. - UTUSAN/MOHD FARIZWAN HASBULLAH



Pengambilan berkenaan akan menimbulkan isu gelandangan apabila pemilik hanya diberikan pampasan kira-kira RM200,000."

bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, pengambilan hak tanah boleh dibuat kerajaan dengan membayar amaun pampasan mencukupi.

Di bawah Seksyen 3, dinyatakan pengambilan tanah hanyalah untuk maksud awam, iaitu membina sekolah, masjid, jalan raya dan sebagainya. Boleh dikatakan semua negara di dunia memperuntukkan pengambilan tanah mestilah untuk maksud awam sahaja.

Bagaimanapun, di negara kita, Seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah 1960, dipinda Akta A804 pada 1991 memasukkan tambahan bahawa pengambilan tanah juga boleh dilakukan kerajaan untuk maksud pembangunan ekonomi. Di bawah Jadual Pertama, dinyatakan dengan jelas apa yang boleh dibuat tuntutan dan apa pula yang tidak dibenarkan. Selain nilai tanah, pemilik terlibat boleh mengemukakan tuntutan pecah pisah, penjejasan terabit, kacau ganggu dan

sebagainya.

Bagaimanakah penilaian untuk membayar pampasan perkara-perkara ini (tajuk-tajuk tuntutan) boleh dibuat? Caranya, menyiapkan laporan SIA daripada tindakan pengambilan berkenaan. Apabila tanah yang diambil terpisah dua, nilai akan jatuh dan perlu dibayar balik.

Begitu juga sekiranya kerja-kerja pengambilan menyebabkan berlaku banjir di tanah baki, keadaan ini boleh dibayar sebagai pampasan. Begitu juga dengan kacau ganggu dan sebagainya.

TIDAK MASUK AKAL

Di bawah Jadual Pertama menyatakan apa yang boleh dituntut dan apa pula yang tidak boleh dituntut. Pampasan nilai tanah hendaklah mengambil kira lokasi tanah berkenaan. Kawasan Sungai Baru terletak di luar kawasan Kampung Baru. Maknanya, Sungai Baru terletak bersebelahan malah bersempadan dengan Kampung Baru.

Dengan menikmati kemudahan awam dan ciri-ciri ekonomi yang sama, masakan nilai tanah di Sungai Baru yang diambil kerajaan dengan tawaran nilai pampasan sebanyak RM400 sedangkan di Kampung Baru pula RM1,000 sekaki persegi? Seolah-olah tidak masuk akal, bukan?

Sebenarnya, walaupun tanah Sungai Baru bersempadan dengan tanah Kampung Baru, nilai

berbeza disebabkan status kepemilikan yang berbeza. Tanah di Sungai Baru yang diambil balik kebanyakannya adalah rumah-rumah pangsa dan dimiliki secara pajakan.

Menurut Profesor Denman dari Universiti Cambridge England, konsep nilai tanah pegangan pajak lebih rendah dibandingkan pegangan kekal atau selama-lamanya. Apa lagi jika tempoh pajakan berkenaan akan berakhir tidak lama lagi.

Nilai pampasan bagi pegangan pajak bergantung pada tempoh pajakan baki yang belum berakhir sahaja. Namun demikian, tuntutan pampasan selain tanah atau bangunan perlu dipertimbangkan dengan adil dan saksama.

Lantaran, peranan penilai berdaftar sama ada swasta atau pegawai Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta memainkan peranan penting. Mereka perlu memberi penerangan dan pendidikan kepada pemilik tanah yang terlibat dengan jelas. Maka, penilai bukan sekadar menilai semata-mata malahan juga perlu mendidik rakyat.

Apabila amaun pampasan yang diberikan sekadar RM200,000 sahaja, sukar bagi mereka membeli rumah sebanding di kawasan berkenaan yang rata-rata melebihi RM300,000. Maknanya, pengusiran sah pemilik dan penduduk Sungai Baru menimbulkan masalah miskin bandar yang baharu dan bukannya meredakan atau

menyelesaikan isu sedia ada.

Keadaan menjadi semakin parah sekiranya ahli keluarga yang ramai terpaksa keluar secara sah dan barangkali akhirnya menjadi gelandangan di bandar raya Kuala Lumpur. Keadaan ini juga menimbulkan kuasa mengundi orang Melayu apabila pengundi-pengundi terpaksa keluar dari kawasan Parlimen Titiwangsa meninggalkan kawasan terakhir orang Melayu di bandar raya Kuala Lumpur.

Oleh yang demikian, sepatutnya SIA dijalankan sebelum pengambilan tanah dilaksanakan. Contoh di India, apabila pindaan Akta Pengambilan Tanah 1894 dibuat kepada Akta Hak Mendapatkan Pampasan Adil dan Ketelusan dalam Pengambilan Tanah dan Penempatan Semula pada 2014 dengan mewajibkan SIA untuk mengetahui kesan sebenar daripada sesuatu pengambilan tanah oleh kerajaan. Maka, impak sebenar diketahui lebih awal sebelum tindakan pengambilan dibuat untuk maksud menyediakan tuntutan dan seterusnya gejala kekecohan dalam kalangan masyarakat dapat dielak.

PROFESOR Ismail Omar ialah Presiden Pertubuhan Profesional Tanah Malaysia (Pertama) dan pensyarah, perunding serta penyelidik di Institut Harta Tanah Malaysia (MyRE), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia